



Kementerian Kesihatan Malaysia,  
Aras 13, Blok E7, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan  
Persekutuan,  
62590 Putrajaya

Tel : 603-88832511  
Faks : 603-88886188

## **KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

### **SITUASI SEMASA INFLUENZA A(H1N1) 20 MEI 2010**

Kementerian Kesihatan ingin menjelaskan bahawa penularan jangkitan virus Influenza A(H1N1) aktif di dalam komuniti di mana kejadian-kejadian masih lagi dilaporkan. Penularan jangkitan ini cukup mudah berlaku di tempat tumpuan orang ramai berkumpul atau bersesak-sesak. Masyarakat digesa agar mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan kawalan jangkitan H1N1 yang terbukti berkesan sebelum ini seperti berikut:-

1. Mereka yang mempunyai gejala *influenza like-illness* (ILI) seperti demam, batuk, selsema dan sakit tekak dinasihatkan supaya **TIDAK** pergi ke tempat tumpuan ramai. Jika mereka yang bersimptom ini terpaksa keluar dan berhubungan dengan orang lain, mereka diminta untuk memakai penutup hidung dan mulut bagi mengelakkan penyebaran virus kepada individu sihat yang lain.
2. Basuh tangan dengan kerap dengan menggunakan air atau *sanitiser*, terutamanya selepas batuk atau bersin.
3. Amalkan adab batuk yang baik iaitu dengan menggunakan tisu atau sapu tangan apabila batuk atau bersin. Buang tisu yang telah digunakan ke dalam tong sampah dan jangan berkongsi sapu tangan.
4. Amalkan cara hidup sihat iaitu dengan mengambil diet yang seimbang, kerap bersenam, tidur secukupnya dan minum banyak air.
5. Elakkan pergaulan rapat dengan mereka yang mempunyai gejala ILI.

6. Mereka yang mengalami gejala ILI perlu mendapatkan rawatan segera di klinik yang berdekatan.

Mengenai aktiviti harian, sehingga jam 8:00 pagi pada 20 Mei 2010, Kementerian telah menerima sejumlah lima (5) laporan kejadian kluster ILI daripada tiga (3) negeri seperti di **Lampiran 1**.

Sementara itu, sehingga jam 5:30 petang 19 Mei 2010, sejumlah 70 kes disahkan positif Influenza A(H1N1) dilaporkan menjadikan jumlah terkumpul kes adalah 14,549. Jumlah kes ILI yang masih dirawat di dalam wad di seluruh negara adalah sebanyak 559 kes. Daripada jumlah tersebut, 69 kes (12.3%) telah disahkan positif influenza A(H1N1). Bilangan kes di ICU ialah 12 kes dengan sepuluh daripadanya mempunyai faktor risiko.

Orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat terkini berkaitan virus Influenza A(H1N1) seperti fasiliti kesihatan kerajaan yang menyediakan kemudahan pelalian kepada kumpulan berisiko, serta langkah-langkah pencegahan, boleh melayari laman sesawang <http://www.moh.gov.my> atau <http://h1n1.moh.gov.my> atau menghubungi hotline Kementerian Kesihatan di talian 03-88810200/0300.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI DATO' SERI DR. HJ. MOHD. ISMAIL BIN MERICAN**

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 20 Mei 2010

Lampiran 1

Senarai Laporan Kejadian Kluster *Influenza-Like Illness (ILI)* Yang Diterima Oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, Sehingga 8:00 Pagi Pada 20 Mei 2010

Bil.	Lokasi	Bil. Terdedah (orang)	Bil. Kes ILI di dalam kluster (orang)	Keputusan Sampel Positif H1N1	Tindakan diambil
1.	Sekolah Kebangsaan Bukit Piatu, Bentong, Pahang	673	3	2 sampel positif	Dua diberi rawatan antiviral dan seorang diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.
2	Kem PLKN Chini, Pekan, Pahang	386	11	2 sampel positif	Kesemua kes diberi rawatan antiviral. Dua kes telah dimasukkan ke wad dan telah discaj. Selebihnya dirawat sebagai pesakit luar. Isolasi di kem dilaksanakan.
3	Kediaman di Jalan Teratai Tmn Plentong, Pasir Gudang, Johor	4	2	2 sampel positif	Kedua-dua kes dimasukkan ke wad dan diberi rawatan antiviral.
4	Kem PLKN Sri Ledang, Ledang, Johor	472	21	Masih menunggu keputusan	Kesemua kes diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar. Isolasi di kem dilaksanakan.
5.	SM Agama Nibong Tebal, Pulau Pinang	629	11	Masih menunggu keputusan	Empat kes diberi rawatan antiviral dan selebihnya diberi rawatan simptomatik sebagai pesakit luar.

